



FAKTOR PENENTU PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN CHALET DI PINGGIR PANTAI DAERAH MARANG, TERENGGANU

DETERMINANT FACTORS OF COMMUNITY INVOLVEMENT IN CHALET DEVELOPMENT AT THE COASTAL OF MARANG DISTRICT, TERENGGANU

Ruzanna Syamimi Ramli^{1*}, Jabil Mapjabil²

¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah

Email: ruzannasyamimi@gmail.com

² Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah

Email: jabil@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.11.2020

Revised date: 10.12.2020

Accepted date: 20.12.2020

Published date: 22.12.2020

To cite this document:

Ramli, R. S., & Mapjabil, J. (2020). Faktor Penentu Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Chalet Di Pinggir Pantai Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 3 (12), 28-38.

DOI: 10.35631/IJEMP.312003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Zon pinggir pantai dan pulau peranginan merupakan salah satu tumpuan utama industri pelancongan terutamanya dalam sektor kemudahan penginapan seperti resort pantai, chalet dan homestay. Pembangunan chalet atau resort pelancongan seiring dengan peredaran masa, bilangan resort ini bertambah apabila berlakunya permintaan percutian yang tinggi daripada pelancong. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor penentu penglibatan komuniti dalam perusahaan chalet di pinggir pantai daerah Marang. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu kaedah temu bual terhadap peungusaha chalet yang merupakan komuniti tempatan. Selain itu, kaedah pemerhatian terhadap lokasi juga dilakukan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati setiap pengusaha chalet mempunyai faktor penentu yang tersendiri dalam melibatkan diri dalam perusahaan chalet di Marang. Faktor yang paling dominan adalah warisan keluarga. Pembangunan chalet pinggir pantai ini memberikan impak dan membawa perubahan terhadap sosioekonomi serta taraf hidup komuniti tempatan. Dengan itu, penglibatan komuniti yang aktif dan dinamik bukan sahaja sebagai pengusaha malah mereka turut berperanan dalam menggalakkan penglibatan penduduk lain untuk turut serta memajukan pembangunan chalet pinggir pantai di daerah ini.

Kata Kunci:

Faktor Penentu, Pinggir Pantai, Penglibatan Komuniti, Pengusaha Chalet

Abstract:

Coastal zone and island resorts are one of the main focuses of the tourism industry especially in the accommodation facilities sector such as beach resorts, chalets, and homestays. With the development of chalets or tourist resorts in line with the passage of time, the number of these resorts increases with the occurrence of high holiday demand from tourists. The objective of the study was to identify the determinant factors of community involvement in chalet enterprises on the coast of Marang district. This study used purposeful sampling techniques which is an interview method for chalet entrepreneurs who are local communities. In addition to it, the observation method of location was also done in this study. The results of the study found that each chalet operator has its own determining factor in getting involved in the chalet industry in Marang. The most dominant factor is a family heritage. The development of this coastal chalet has an impact and brings about changes to the socioeconomic as well as the living standards of the local community. Thus, active and dynamic community involvement is not only as entrepreneurs, but they also play a role in encouraging the involvement of other residents to participate in advancing the development of coastal chalets in this district.

Keywords:

Determinants Factor, Coastal, Community Involvement, Chalet Entrepreneur

Pengenalan

Industri pelancongan terus menjadi penyumbang utama terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), kerajaan memberikan keutamaan terhadap usaha memperkasa industri pelancongan negara. Statistik 2014 menunjukkan industri ini menyumbang sebanyak RM72 bilion iaitu peningkatan sebanyak 27.4% berbanding tahun 2010 iaitu RM56.5 bilion. Sumbangan penting ini menyebabkan pelancongan disenaraikan sebagai salah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA). Sebagai salah satu NKEA, industri pelancongan diramal menyumbang kira-kira RM168 bilion menjelang tahun 2020 dengan ketibaan pelancong seramai 36 juta orang. Sumbangan industri pelancongan adalah daripada pelbagai sektor perkhidmatan dan salah satunya adalah sektor penginapan.

Secara umumnya, pembangunan pelancongan pinggir pantai merupakan salah satu potensi besar kepada pengusaha kemudahan penginapan. Menurut Povh (2000), kira-kira tiga suku daripada populasi penduduk dunia akan berada dalam jarak 60 km dari garisan pantai. Ini akan meningkatkan permintaan untuk riadah pantai dan kemudahan pelancongan. Dalam konteks pembangunan premis penginapan yang lestari, ia perlu menekankan penglibatan komuniti sebagai pembuat keputusan dan seterusnya menjadi aktor utama dalam kemajuan pelancongan di sesebuah kawasan (Badaruddin, 2008). Ini menjadi asas pelan strategik Rancangan Malaysia lima tahun di negara ini terutamanya selepas RMK-9 sehingga kini. Lantaran itu, isu penglibatan komuniti tempatan dalam penyediaan kemudahan penginapan seperti chalet dan resort perlu dikaji secara meluas kerana ia jelas membuktikan pembangunan lestari yang berjaya banyak memberikan manfaat kepada komuniti tempatan. Di daerah Marang, perusahaan chalet dan resort begitu ketara di kawasan tanah besar berbanding di pulau peranginan iaitu Pulau Kapas. Untuk itu, objektif artikel ini adalah untuk meneliti faktor penentu yang mempengaruhi penglibatan komuniti dalam pembangunan chalet dan resort pinggir pantai di daerah Marang, Terengganu.

Definisi Konsep dan Sorotan Literatur

Zon Pinggir Pantai


Secara umumnya, zon pinggir pantai adalah merupakan pertembungan kritikal antara daratan, lautan dan atmosfera. Zon tersebut dapat didefinisikan sebagai suatu jaluran daratan dan ruang laut yang bersebelahan dengannya (perairan pinggir pantai dan tanah yang tenggelam) yang saling bergantung antara satu sama lain. Menurut Kechum (1972), zon pinggir pantai terdiri daripada beberapa unsur yang terdapat pada tiga zon utama yang saling bergantung iaitu daratan, teluk muara sungai yang cetek dan marin. Dari sudut lain, zon ini terdiri daripada daratan pinggir pantai, zon pesisir dan zon hampir pesisir (Inman & Brush, 1973).

Sehubungan dengan itu, di zon pinggir pantai, terdapat beberapa tempat yang menarik yang mampu menjadi tarikan pelancong dan untuk tujuan pembangunan pelancongan. Dalam konteks global, tarikan utama pelancong di zon pinggir pantai adalah kewujudan pantai yang cantik berserta sinaran matahari, memiliki persekitaran yang bersih, landskap yang menarik serta perairan pinggir pantainya yang bersih dan selamat. Di kawasan tropika seperti Malaysia, tarikan pelancong bukan hanya bergantung pada pantai dan persekitarannya tetapi juga disebabkan keunikan terumbu karang dan paya bakau yang kaya dengan kepelbagaian flora dan faunanya (Jamaluddin, 2009).

Pembangunan Pelancongan Pinggir Pantai

Pembangunan pelancongan di zon pinggir pantai bukanlah merupakan sesuatu yang baharu. Trend percutian di pinggir pantai dan masa bersantai 'menghirup udara laut' bermula sejak penghujung kurun ke-18 dan awal kurun ke-19 di Eropah (Goodhead & Johnson, 1996). Pada kurun ke-20, keadaan tersebut telah menjangkau ke kebanyakan pantai negara maju termasuk pinggir pantai Lautan Atlantik, Amerika Syarikat dan sesetengah negara membangun. Dengan peningkatan peluang melancong ke pelbagai negara pada pertengahan kurun ke-20, pembangunan pelancongan di pinggir pantai telah bertambah meluas dengan tumpuan terhadap kawasan peranginan yang memiliki iklim dengan sinaran matahari yang banyak. Untuk itu, pelancongan pinggir pantai telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada pelancongan utama di kebanyakan negara di dunia (United Nations, 1995).

Menurut Miossec (1976), pembangunan pelancongan berlaku secara evolusi mengikut masa dan ruang. Model ini menjelaskan hubungan antara fasa pembangunan pelancongan dengan perubahan dalam setiap empat elemen utama iaitu resort, pengangkutan, gelagat pelancong dan pembuat keputusan (Rajah 1). Beliau menjelaskan difusi berlaku dalam lima fasa iaitu 0, 1, 2, 3 dan 4. Ia melibatkan fasa isolasi, dengan tiada pembangunan kepada sebuah resort perintis dibangunkan bagi menarik kedatangan pelancong, kemudahan pengangkutan disediakan menghubungkan resort dan membuka kawasan tersebut kepada pelancong berdasarkan promosi yang dijalankan dan seterusnya pemerhatian terhadap pencapaian resort perintis yang dibangunkan. Manakala fasa 4 pula melibatkan pertambahan resort baharu sehingga berlakunya situasi tepu, jaringan pengangkutan semakin lengkap dan sempurna sehingga ke tahap maksimum, berlakunya persaingan antara pelancong dalam menggunakan ruang untuk menjalankan aktiviti berada pada tahap kritikal dan kemerosotan kawasan tersebut. Dengan itu, pihak berwajib perlu membuat dasar sama ada mengezonkan keseluruhan kawasan sebagai pelancongan ataupun membangunkan sebahagian sahaja dan memelihara sebahagian yang lain.



Rajah 1: Model Pembangunan Miossec (1976).

Penglibatan Komuniti

Penglibatan komuniti adalah suatu bentuk tindakan sukarela oleh seseorang individu untuk mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan (Tosun, 2000). Selain itu, penglibatan komuniti adalah suatu proses yang memerlukan komuniti bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap taraf hidup mereka sendiri. Penglibatan komuniti memastikan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Tosun, 2000).

Dalam proses pembangunan pelancongan, Timothy (1999) menerangkan bahawa penglibatan komuniti dapat dilihat dari dua aspek, iaitu (i) dalam proses membuat keputusan dan (ii) dalam bentuk faedah yang dibawa oleh pembangunan tersebut. Selain daripada dua perspektif penglibatan tersebut, pembabitkan ahli komuniti dalam melaksanakan projek pembangunan pelancongan penting ke arah pendekatan pembangunan lestari. Dengan menyertai usaha pembangunan tersebut, ahli komuniti akan memastikan aspirasi mereka diambil kira di samping mendapat peluang pekerjaan, meningkatkan pemahaman tentang faedah yang dibawa oleh pelancong, menanam rasa tanggungjawab terhadap sumber yang dimiliki serta memberi peluang kepada mereka untuk mengawal pembangunan dan penggunaan sumber tempatan. Selain itu, penglibatan komuniti turut membantu dalam menjayakan projek pelancongan itu sendiri kerana penglibatan itu membabitkan penawaran sumber manusia dan perkongsian pengetahuan mengenai kawasan tempatan dan sumber di kawasan berkenaan.

Resort Pantai

Di peringkat global, resort merupakan lokasi yang mempunyai persekitaran kondusif serta memberikan keselesaan, ketenangan minda dan rehat, menawarkan makanan, kemudahan penginapan dan fasiliti rekreasi kepada orang ramai dengan bayaran yang tertentu. Resort

memerlukan penilaian untuk pengiktirafan yang berbeza berdasarkan lokasi dan persekitaran, tempat letak kenderaan (jika berkenaan), kemudahan dan bilik penginapan, tandas awam, sukan dan rekreasi, kemudahan konvesyen / persidangan dan kemudahan pekerja. Selain itu, resort boleh dikelaskan dalam kelas AAA yang tertinggi, kelas AA, kelas A dan faedah yang istimewa (Enrique-Magkasi & Caballero, 2014).

Dengan mengambil contoh Ghana, industri pelancongan di negara ini tidak mendapat perhatian politik sehingga akhir 1990-an. Selepas itu, industri pelancongan mengalami pertumbuhan yang luar biasa dan peningkatan dalam operasi hotel dan resort di pantai Atlantik di negara berkenaan. Tahap kebergantungan industri pelancongan umumnya dan operasi hotel dan resort pantai khususnya adalah kepada pelancong antarabangsa kerana ia bersifat perkhidmatan perjalanan peringkat global. Pelancongan pantai semakin berkembang dengan operasi hotel dan resort di sepanjang pantai Ghana. Kesemua hotel dan resort pantai ini menikmati beberapa kelebihan rangkaian dalam industri hospitaliti iaitu reputasi dan pengiktirafan jenama seperti akses yang mudah untuk negara, diskaun ke atas pengiklanan dan pembelian pukal, program latihan kakitangan yang kerap dan konsisten, inisiatif penyelidikan dan pembangunan yang tetap, ketersediaan dan penggunaan maklumat berskala, sistem komunikasi dan teknologi, hubungan langsung dengan pegawai kanan awam untuk mendapatkan perniagaan dan pemilihan tapak serta pembangunan dan kepakaran pengurusan (Addo, 2011).

Di Malaysia, percutian di pusat peranginan pantai (*beach resort*) menjadi tumpuan utama sebilangan besar pelancong, sama ada dari dalam atau luar Malaysia untuk menghabiskan masa percutian mereka sama ada di timur atau barat Semenanjung Malaysia termasuk Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak). Menikmati pemandangan yang indah, bersantai di bawah terik matahari dan berenang di tepi pantai ditambah pula dengan pelbagai aktiviti sukan air seperti luncur air, snorkeling dan selam skuba menjadikan tempat percutian di tepi pantai menjadi pilihan pelancong. Seseengah resort pantai menyediakan kemudahan padang golf dan gelanggang bermain tenis, gimnasium dan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi lain. Selain itu, terdapat bilik dan dewan untuk persidangan, bengkel dan kursus untuk ahli perniagaan, ahli akademik dan staf agensi awam dan swasta yang selalunya memilih tempat sebegini untuk aktiviti institusi dan agensi mereka kerana suasana resort yang aman dan casual (Maizatun Nabilah, 1990).

Premis penginapan kecil dan sederhana sepanjang pantai mampu memberi wajah baharu terhadap industri pelancongan di Malaysia amnya dan Terengganu khususnya. Menurut Morrison (1996), premis penginapan kecil dan sederhana adalah perniagaan pelancongan yang diusahakan secara kecil-kecilan yang dibiayai oleh seorang individu ataupun sekumpulan pemilik yang mempunyai sistem pengurusan yang teratur. Salah satu contoh adalah pembangunan chalet di daerah Marang. Pengusaha chalet adalah didominasi oleh penduduk setempat di daerah berkenaan.

Penglibatan Komuniti dalam Keusahawanan Pelancongan

Penglibatan penduduk melibatkan suatu tahap aktiviti dan sumbangan individu kepada komuniti di sesebuah kawasan. Penyertaan secara sukarela dalam aktiviti yang diadakan menunjukkan tahap komitmen penduduk terhadap sektor yang dibangunkan. Setiap anggota komuniti mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyumbang kepada komuniti terutamanya melalui penglibatan dalam aktiviti yang disediakan. Ahli komuniti yang sering terlibat secara langsung dengan komunitinya akan berasa dihargai dan lebih komited kepada komuniti berkenaan (Scott & Vitartas, 2008).

Sehubungan dengan itu, penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan pelancongan pulau bukan sahaja dalam perusahaan resort atau chalet, malahan aktiviti seperti membawa bot pelancong, berniaga, penjualan cenderamata dan penyewa peralatan menyelam. Ini dibuktikan dalam kajian di Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor (Yahaya, 2014). Taraf hidup dan budaya komuniti di pulau ini telah mengalami transformasi. Kebanyakan penduduk merebut peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka dalam pembangunan pelancongan yang sedia wujud di kawasan tersebut. Mereka melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan dengan aktif kerana aktiviti sebegini memberi pulangan yang lumayan (Yahaya, 2014).

Berdasarkan kajian Maimon (1992), penglibatan penduduk tempatan sebagai guna tenaga dalam industri pelancongan di kawasan pinggir pantai biasanya tertumpu di kawasan pelancongan yang baharu berkembang. Penduduk ghairah melibatkan diri dalam industri ini memandangkan industri ini dapat menambahkan pendapatan mereka. Pelbagai potensi aktiviti keusahawanan pelancongan boleh dijana di kawasan pinggir pantai seperti pengusaha penginapan, pengusaha kraftangan, batik dan songket, pengusaha makanan laut yang dikeringkan, pengusaha kedai makan atau restoran serta pengusaha bot. Apabila industri ini semakin berkembang, maka wujud banyak peluang pekerjaan kepada penduduk. Oleh itu, penduduk harus mengambil peluang ini untuk faedah bersama. Ini kerana penyertaan penduduk adalah amat penting untuk memastikan projek pelancongan dapat dijalankan dengan jayanya dan seterusnya meningkatkan ketibaan pelancong ke destinasi berkenaan.

Seterusnya, kajian penglibatan komuniti sebagai usahawan dalam sektor penginapan pelancongan berskala kecil di pesisir pantai Terengganu telah dijalankan oleh Norilawati (2010). Fokus kajian ini adalah faktor yang mendorong penglibatan komuniti sebagai pengusaha dan manfaat yang diperolehi dalam penglibatan tersebut. Hasil kajian mendapati faktor ekonomi adalah faktor utama yang mendorong penglibatan mereka sebagai pengusaha penginapan. Manfaat penglibatan dalam perusahaan penginapan berskala kecil bukan sahaja dinikmati oleh pengusaha itu sendiri dan kaum keluarga terdekat bahkan kepada komuniti tempatan di sekitarnya. Di samping manfaat ekonomi seperti peluang pekerjaan, pertambahan pendapatan serta jaringan ekonomi setempat, faedah lain adalah peningkatan semangat komuniti dan penjaan pembangunan fizikal.

Metodologi

Kawasan Kajian

Terengganu merupakan negeri yang menghadap Laut China Selatan di pantai timur Semenanjung Malaysia. Ia memiliki beberapa destinasi percutian yang mempesonakan. Pinggir lautnya saujana mata memandang dengan pantai putih bersih dan air laut yang jernih. Secara umumnya, terdapat dua musim iaitu angin monsun Timur Laut dari bulan November hingga Februari dan musim kering yang bermula pada bulan Mac hingga Oktober. Oleh itu, musim terbaik untuk melawat negeri ini adalah semasa musim kering kerana cuaca yang baik dengan cahaya matahari dan langit yang cerah. Negeri Terengganu terdiri daripada lapan daerah iaitu Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Dungun dan Kemaman (Rajah 2).



Rajah 2: Kedudukan Daerah Marang dalam Peta Negeri Terengganu

Justifikasi pemilihan daerah Marang sebagai lokasi kajian kes adalah kerana ia terletak di pesisir pantai Terengganu. Selain itu, daerah ini didapati banyak membangunkan chalet dan resort pinggir pantai, perusahaan hasil laut, kraftangan dan batik. Jadual 1 menunjukkan 20 buah chalet berserta alamat yang beroperasi di pesisir pantai Marang.

Jadual 1: Senarai Chalet/Resort di Pinggir Pantai Daerah Marang

Bil.	Chalet / Resort	Alamat
1	Anggulia Beach House	KM 20, Kg Rhu Muda, Seberang Marang
2	Island View Resort	Lot 1506 Kg. Paya Marang
3	Rhu Muda Beach Motel	Kg. Rhu Muda, Seberang Marang, Terengganu
4	Marang Guest House & Rest	Lot 1367 & 1368 Kg. Paya
5	Kamal Guest House	B 283, Kg. Paya, Bandar Marang
6	Semarak Auni Inn	KM 22, Pantai Kelulut, Jalan Kuala Terengganu
7	Chalet Su	A 1545, Kampung Rusila
8	Ce'Wer Chalet	125, Kg. Rusila, Marang
9	Ahas Chalet	KM 13, Rusila, 21080, Marang
10	Kolek Resort	Lot 401B, Batu 8, Rusila, 21080 Marang
11	Fb Chalet	506-E, Kampung Rhu Dua, 21600 Marang
12	Nusantara Hostel	156 Rumah Kedai, Kompleks Pelancongan Marang
13	Impiana Rhu Muda Chalet	Mdm 110A, Jln Dungun, Kg Rhu Muda, Marang
14	Rumah Penginapan Singgahsana	Lot 394, Kg. Pantai Rhu Muda, 21080 Marang
15	Saudagar Beach Chalet	Lot 1544, Kg Rusila 21080 Marang
16	Marang Village Resort & Spa	Kg. Kelulut 21600 Marang
17	Yunie Chalet	Lot 1320, Jalan Tali Air, Kg Rhu Dua
18	Dive HQ Resort	KM 46, Kg Pasir Putih, 21600 Marang
19	Buai Beach Resort	Kg. Seberang Marang
20	D'Village Chalet	Lot 3027 A, Kg. Rhu Rendang

Sumber: Tourism Terengganu (2018).

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes untuk merumuskan generalisasi keseluruhan kajian. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci tentang sesuatu tindakan atau proses berhubung sesuatu perkara. Dari segi persampelan, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu berdasarkan ciri profil seperti komuniti tempatan (penduduk asal Terengganu), berumur lebih 18 tahun dan merupakan pengusaha yang menjalankan perusahaan chalet atau resort di pinggir pantai daerah Marang. Daripada populasi 20 buah chalet di pinggir pantai Marang, sebanyak 10 chalet dipilih sebagai subjek kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu penggunaan instrumen borang panduan temu bual untuk mendapatkan maklumat dari pengusaha chalet dan resort yang dipilih serta kaedah pemerhatian lokasi dan aktiviti yang disediakan di chalet / resort sebagai maklumat sokongan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan ini adalah fasa satu kajian yang melibatkan beberapa orang pengusaha yang telah ditemu bual sebagai tinjauan awal. Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa faktor penentu yang mendorong penglibatan mereka dalam perusahaan ini.

- (i) Faktor warisan merupakan faktor utama penglibatan komuniti dalam pembangunan chalet di pinggir pantai Marang. Pembangunan chalet telah lama dibangunkan oleh penduduk di sini dengan ketibaan pelancong semakin meningkat dari tahun ke tahun. Galakan dan dorongan ahli keluarga telah menambahkan keyakinan pengusaha untuk terus mewarisi perniagaan yang diusahakan oleh keluarga mereka.
- (ii) Seterusnya, faktor lokasi yang telah menjadi tarikan pelancong. Dalam kajian di daerah Marang, pembangunan chalet sangat ketara berbanding di Pulau Kapas. Di pinggir pantai kebanyakan tanah adalah tanah persendirian pengusaha, kawasan perkampungan dan banyak aktiviti-aktiviti pelancongan lain yang telah dijalankan. Manakala di pulau pembangunan chalet agak kurang disebabkan oleh jarak antara tanah besar dengan pulau tidak jauh dan hanya mengambil masa 10 minit dengan menaiki bot laju. Oleh itu, kebanyakan pelancong yang ingin ke pulau bermalam di chalet pinggir pantai dan akan bertolak ke pulau pada keesokan harinya. Kebanyakan chalet menyediakan pakej pergi dan balik pelancong ke pulau.
- (iii) Selain itu, faktor pendapatan juga merupakan salah satu faktor penglibatan komuniti dalam pembangunan chalet. Terdapat beberapa pengusaha yang menjalankan perusahaan chalet sebagai pendapatan tambahan. Selain menjalankan perusahaan chalet, pengusaha juga merupakan salah seorang kakitangan kerajaan. Manakala, terdapat juga pengusaha yang bekerja sebagai pengusaha chalet sebagai sumber utama pendapatan mereka. Mereka juga memberi peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan dalam mengusahakan chalet mereka. Sebagai contoh, terdapat segelintir pengusaha chalet yang mengambil komuniti tempatan sebagai pekerja am untuk menguruskan chalet mereka.

Berdasarkan hasil temu bual dengan pengusaha chalet di Marang, faktor dalaman yang menjadi penentu penglibatan mereka adalah warisan perniagaan daripada ahli keluarga. Ini kerana kawasan pinggir pantai Marang merupakan tanah perkampungan komuniti dan mereka mengusahakan perusahaan chalet atas tanah mereka sendiri berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan jarak yang ditetapkan. Permintaan yang tinggi dalam kalangan pelancong terhadap penginapan pinggir pantai memberikan peluang besar kepada

komuniti tempatan yang memiliki tanah sendiri berhampiran pinggir pantai untuk menjalankan perusahaan chalet berkenaan. Dapatan ini disokong oleh kajian Norashidah *et al.* (2009) yang mendapati kebanyakan usahawan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan yang sama. Selain itu, semua usahawan yang berjaya mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam perniagaan yang diperolehi secara warisan keluarga. Ia membolehkan mereka memiliki sikap belajar bersungguh-sungguh dalam memajukan diri dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam bidang perniagaan.

Manakala faktor luaran penglibatan komuniti dalam perusahaan chalet adalah mengikuti trend yang berlaku di kawasan tersebut. Di pinggir pantai Marang, tidak dapat dinafikan perebakan chalet begitu ketara berbanding di pulau peranginan Pulau Kapas. Pelancong atau pengunjung yang tinggal bukan sahaja pelancong asing bahkan pelancong tempatan yang datang bercuti dan memilih untuk menginap di chalet pinggir pantai apabila datang ke Terengganu. Pembangunan chalet ini turut mendapat sambutan semasa musim cuti kerana harga sewa yang murah dan berpatutan. Kebanyakan chalet mempunyai rangkaian *Facebook* dan tempahan melalui online seperti *Booking.com*. Menurut Ishak *et al.* (2011), antara faktor luaran yang mendorong penglibatan usahawan Melayu di Pulau Langkawi adalah faktor persekitaran perniagaan yang wujud dan faktor budaya.

Sehubungan dengan itu, kajian ini sejajar dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Norilawati (2010) yang menunjukkan aspek ekonomi adalah faktor utama yang mendorong penglibatan penduduk sebagai pengusaha penginapan. Hasil kajian ini turut menyokong pendapat Timothy (1999) yang menjelaskan penglibatan komuniti adalah dalam aspek pembuatan keputusan dan pelbagai bentuk faedah lain dalam pembangunan keusahawanan tersebut. Namun begitu dalam konteks perkaitan hasil kajian ini dengan model yang dikemukakan oleh Miossec (1976), pembangunan chalet di Marang masih berada pada fasa 2, iaitu pembangunan chalet sedang pesat berkembang, jaringan pengangkutan di kawasan berkenaan semakin baik dan masih belum wujud persaingan ruang antara pelancong yang berkunjung ke kawasan chalet di daerah tersebut.

Kesimpulan

Penglibatan komuniti adalah penting dalam pembangunan pelancongan terutamanya keusahawanan chalet dan resort di pinggir pantai. Aspek penyertaan atau penglibatan adalah suatu bentuk tingkah laku yang melibatkan komuniti mengambil inisiatif untuk turut serta dalam apa sahaja rancangan, program, aktiviti atau projek yang bertujuan untuk memajukan diri mereka. Terdapat pelbagai jenis dan tahap penyertaan komuniti dalam pembangunan. Dalam konteks pembangunan chalet/resort, kajian ini menyumbang terhadap aspek penilaian semula model Miossec (1976) terutamanya dari elemen penglibatan komuniti yang tidak diambil kira dalam model berkenaan. Dalam perusahaan resort dan chalet yang lestari, penglibatan komuniti sebagai aktor utama bukan sahaja sebagai pengusaha dan tenaga kerja dalam resort dan chalet tersebut tetapi sebagai pendorong untuk menggalakkan lebih ramai komuniti lain untuk terlibat sama seperti menjual hasil laut, cenderamata dan perniagaan restoran atau kedai makan yang berdekatan dengan resort dan chalet. Sehubungan dengan itu, perebakan pembangunan chalet di daerah Marang adalah disebabkan oleh faktor dalaman seperti minat, pengalaman dan warisan perniagaan keluarga. Manakala faktor luaran pula adalah didorong oleh trend pembangunan chalet di kawasan pinggir pantai daerah tersebut. Tuntasnya, kelebihan dan kelainan penglibatan komuniti dalam keusahawanan chalet dan resort di daerah Marang berbanding kajian di lokasi pelancongan lain adalah kerana ia

didominasi oleh usahawan Melayu yang merupakan penduduk asal Terengganu dan bukannya usahawan luar ataupun ahli politik.

Rujukan

- Addo, E. (2011). Diversification of the tourist landscape on Ghana's Atlantic Coast: Forts, castles and beach hotel / resort operations in the tourism industry. *Journal of Tourism Consumption and Practice*, 1,1-26.
- Badaruddin Mohamed. (2008). *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enrique-Magkasi, E. M. & Caballero, R. T. (2014). Customer satisfaction and loyalty in Philippines resorts. *International Journal of Social Sciences and Entrepreneurship*, 1(9), 588-610.
- Goodhead, T. & Johnson, D. (1996). *Coastal Recreation and Management: The Sustainable Development of Maritime Leisure*. London: E & F. N. Spon Publishing.
- Inman, D.L. & Brush, B.M. (1973). *The coastal challenge*. Science, July 6:22.
- Ishak Yusoff, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi & Mohd Shukri Hajinoor. (2011). Faktor keusahawanan dan prestasi kejayaan usahawan Melayu di Pulau Langkawi Kedah. *Prosiding PERKEM*, Jilid 2, 196-207.
- Jamaluddin Md. Jahi (2009). Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2),71-88.
- Maizatun Nabilah Amir. (1990). *Country Resort Kes kajian: Hotel Hyatt Saujana Subang Malacca Village Resort*. Dissertasi Diploma Senibina (tidak diterbitkan), Jabatan Senibina, Perancangan dan Ukur. Institut Teknologi Mara, Shah Alam.
- Ketchum, B.H. (ed). (1972). *The Water's Edge*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Maimon Haji Ali. (1992). *Kajian penglibatan penduduk di dalam industri pelancongan kes kajian: Pinggir pantai negeri Terengganu (Daerah Marang, Terengganu)*. Tesis Diploma Lanjutan (tidak diterbitkan), Perancangan Bandar dan Wilayah. Institut Teknologi MARA, Shah Alam.
- Miossec, J. M. (1976). Elements pour unethorie de l'espacetouristique. Les chahiersdu tourismeC-36. CHET, Aix-en-Province: Mintel.
- Morrison, A. (1996). *Marketing the Small Tourism Business. The Marketing of Tourism products, concepts, issues and cases*. International Thomsons Business Press, London.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang. (2009). Konsep kesediaan keusahwanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187-203.
- Norilawati Mohd Nor. (2010).*Penglibatan komuniti sebagai pengusaha di sektor penginapan pelancongan berskala kecil: Kajian di pesisir pantai Terengganu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Povh, D. (2000). Economic instruments for sustainable development in the Mediterranean Region Responsible coastal zone management. *Periodicum Biologorum*, 102(1), 407-412.
- Scott, D. & Vitartas, P. (2008). The role of involvement and attachment in satisfaction with local government services. *International Journal of Public Sector Management*, 21 (1), 45-57.
- Timothy, D.J. (1999). Participatory planning: A view of tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research*, 26(2): 371-391.
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management*, 21(6): 613-633.

United Nations. (1995). *Guidelines on Environmentally Sound Development of Coastal Tourism*. New York: United Nations.

Yahaya Ibrahim. (2014). *Keusahawanan dan Daya Saing dalam Sektor Pelancongan Pulau*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.